

Serbuan di rumah Hamzah urusan LHDN - Anwar

Oleh **MOHD HUSNI MOHD NOOR**
utusannews@mediamulia.com.my

CYBERJAYA: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberitahu, beliau tidak dimaklumkan mengenai pengeledahan kediaman Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Selasa lalu.

Menurut Perdana Menteri, beliau menyerahkan urusan itu kepada LHDN dan badan penyiasat untuk melakukan siasatan.

"Itu urusan LHDN dan badan penyiasat, saya tidak dimaklumkan," kata Anwar ketika ditemui selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Raja Haji Fisabilillah di sini semalam.

Media sebelum ini melaporkan LHDN menyerbu kediaman Hamzah di Damansara Selasa lalu susulan terdapat beberapa cukai yang didakwa tidak dilaporkan.

Malah, pasukan serbuan turut merampas beberapa fail termasuk dokumen pemilikan aset dan akaun milik Ahli Parlimen Larut itu.

Sebelum ini, Hamzah menegaskan beliau dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memberi



ANWAR Ibrahim menyantuni orang ramai semasa makan tengah hari bersama rakyat di Medan Selera Sports Arena di Cyberjaya semalam.

keterangan berkaitan satu kes pendakwaan di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Hamzah sebelum ini melaporkan berkata, keterangan itu dibuat susulan pertuduhan ke atas ahli perniagaan, Sim Choo Thiam di mahkamah.

Hamzah juga mendakwa, kes pertuduhan di mahkamah membabitkan ahli perniagaan itu yang turut mengheret namanya jelas mahu merosakkan nama baiknya, Bersatu dan Perikatan Nasional (PN).

Sementara itu, mengenai

desas-desus Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi yang kini bercuti dua minggu, Anwar berkata, beliau tidak mengetahui mengenai perkara itu.

"Tiada pula," jawab beliau ringkas.